

AKSES KE AKAUN BANK PEMBAYAR CUKAI ADA BATASANNYA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) merujuk kepada beberapa laporan akhbar berkaitan kuasa HASiL mengakses akaun bank pembayar cukai tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pemilik akaun bank tersebut.

HASiL ingin menjelaskan bahawa peruntukan baharu S106A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang telah diluluskan dalam Rang Undang-Undang Kewangan 2021 pada 15 Disember 2021 memberi kebenaran kepada HASiL untuk mendapatkan maklumat akaun bank pembayar cukai **hanya** bagi kes-kes yang melibatkan perintah garnisi di mana mahkamah telah memutuskan untuk membenarkan garnisi dibuat.

Prosiding garnisi adalah proses untuk menguatkuasakan penghakiman wang dengan menyita atau menahan hutang yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak, dalam kes ini HASiL, susulan adanya tunggakan cukai yang belum dijelaskan oleh pembayar cukai.

Dengan pengenalan peruntukan baharu ini, ia akan membantu HASiL mentadbir sistem cukai langsung negara dengan lebih efektif dengan meminimalkan ketirisan cukai disebabkan oleh kegagalan pembayar cukai melangsaikan hutang cukai yang wujud, selain meningkatkan kadar pematuhan cukai sukarela dalam kalangan pembayar cukai. Sungguhpun begitu, kuasa yang diberikan di bawah peruntukan baharu ini tidak memberi kuasa mutlak kepada HASiL untuk mengakses akaun bank pembayar cukai dengan sewenang-wenangnya. Ia perlulah melalui proses penghakiman yang ditetapkan, dan hanya terhad kepada kes-kes yang telah pun melalui prosiding sivil terlebih dahulu.

Bagi pembayar cukai yang sedia menjalankan tanggungjawab percukaian mereka dengan teratur, pengenalan S106A ACP 1967 ini tidak sepatutnya menimbulkan sebarang keresahan atau kerisauan kerana peruntukan ini tidak terpakai kepada mereka. Justeru, orang ramai tidak perlu bimbang dengan pindaan baharu ACP 1967 ini.

Sebagai kesimpulan, peruntukan baharu S106A ACP 1967 ini hanya memberi kuasa kepada HASiL untuk mendapatkan maklumat akaun bank pembayar cukai setelah tindakan garnisi dibenarkan oleh mahkamah. HASiL sekali lagi menekankan bahawa maklumat akaun bank pembayar cukai sedia ada yang tidak melibatkan tindakan garnisi tidak dapat diakses oleh HASiL melalui peruntukan baharu ini.

Sekiranya masih terdapat sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, ia boleh dimajukan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Ranjeet Kaur
Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tel : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | Faks : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Disember 2021